

## **Najib Sanjung Jackie Chan Kerana Laksanakan Banyak Kerja Amal**

**Bernama**

**24 Mac, 2013**

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyanjung bintang filem Hong Kong Jackie Chan kerana menyumbang banyak masa dan wang ringgit kepada pelbagai aktiviti kebajikan selama bertahun-tahun.

Beliau berkata tidak terkecuali malam tadi menerusi acara melelong pelbagai barangan dengan hasil kutipannya disalurkan bagi pembinaan Sekolah Menengah Chong Hwa, di Kuantan, Pahang.

"Berada di Stadium Darul Makmur malam tadi bersama-sama Jackie Chan, seorang superstar tersohor, dermawan dan contoh ikutan bagi kaum Cina di seluruh dunia memang menyeronokkan," kata beliau dalam entri terkini Facebook beliau.

Najib berkata kerajaan mengiktiraf peri pentingnya pendidikan bagi kaum Cina dan pelbagai inisiatif telahpun dilaksanakan bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam pembangunan negara.

Sabtu, semasa majlis jamuan malam dan pertunjukan amal bagi mengutip derma pembinaan sekolah berkenaan, Najib mengumumkan sumbangan kerajaan berjumlah RM3 juta, sebagai tambahan kepada RM2 juta yang diberi sebelum ini.

"Saya harap menerusi langkah ini, kami telah membantu memenuhi hasrat komuniti Cina," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=936949>